

# ASUS ZenWatch<sup>™</sup> 3



WI503Q  
E-Manual

**MAKLUMAT HAK CIPTA DAN WARANTI**

Tiada bahagian daripada panduan pengguna ini, termasuk produk dan perisian yang diterangkan di dalamnya, boleh dikeluarkan semula, dipindahkan, ditranskrip, disimpan dalam sistem pengambilan semula atau diterjemahkan ke sebarang bahasa dalam sebarang bentuk atau kaedah, kecuali dokumentasi yang disimpan oleh pembeli untuk tujuan sandaran, tanpa kebenaran bertulis yang jelas daripada ASUSTeK Computer INC. ("ASUS").

Waranti atau perkhidmatan produk tidak akan dilanjutkan jika: (1) produk dibaiki, diubah suai atau diubah, melainkan pembaikan, pengubahsuaian atau pengubahan itu dibenarkan secara bertulis oleh ASUS; atau (2) nombor siri itu rosak atau hilang.

ASUS MENYEDIAKAN Panduan Pengguna INI "SEPERTI ADANYA" TANPA JAMINAN DALAM SEBARANG BENTUK, SAMA ADA TERSURAT ATAU TERSIRAT, TERMASUK TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA WARANTI YANG DIKENAKAN ATAU SYARAT KEBOLEHDAGANGAN ATAU KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERTENTU. ASUS, PARA PENGARAH, PEGAWAI, PEKERJA ATAU EJENNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB DALAM APA-APA KEADAAN SEKALIPUN ATAS SEBARANG KEROSAKAN TIDAK LANGSUNG, KHUSUS, IRINGAN ATAU LANJUTAN (TERMASUK KEROSAKAN ATAS KERUGIAN HASIL, KERUGIAN PERNIAGAAN, KERUGIAN PENGGUNAAN ATAU DATA, GANGGUAN PERNIAGAAN DAN YANG SAMA DENGANNYA), WALAUPUN JIKA ASUS TELAH DINASIHATKAN TENTANG KEMUNGKINAN KEROSAKAN TERSEBUT YANG TIMBUL DARIPADA SEBARANG KEROSAKAN ATAU RALAT DI DALAM Panduan Pengguna ATAU PRODUK INI.

Nama produk dan korporat yang muncul dalam panduan pengguna ini mungkin atau mungkin bukan tanda dagangan atau hak cipta berdaftar bagi syarikatnya masing-masing, dan hanya digunakan untuk pengenalan atau penerangan dan untuk faedah pemilih, tanpa niat untuk melanggar.

SPEKIFIKASI DAN MAKLUMAT YANG TERKANDUNG DALAM Panduan Pengguna INI DISEDIAKAN UNTUK PEMBERITAHUAN SAHAJA DAN TERTAKLUK PADA PERUBAHAN PADA BILA-BILA MASA TANPA NOTIS DAN TIDAK BOLEH DITAFSIRKAN SEBAGAI KOMITMEN OLEH ASUS. ASUS TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB ATAU MENANGGUNG LIABILITI UNTUK SEBARANG RALAT ATAU KETIDAKTEPATAN YANG MUNGKIN MUNCUL DALAM Panduan Pengguna INI, TERMASUK PRODUK DAN PERISIAN YANG DIJELASKAN DI DALAMNYA.

Hak Cipta © 2016 ASUSTeK Computer INC. Hak Cipta Terpelihara.

**HAD LIABILITI**

Keadaan mungkin timbul di mana anda layak untuk mendapatkan ganti rugi daripada ASUS kerana barang ASUS lalai atau liabiliti lain. Dalam setiap keadaan sedemikian, ASUS bertanggungjawab tidak lebih daripada ganti rugi untuk kecederaan badan (termasuk kematian) dan ganti rugi harta tanah dan harta peribadi yang ketara; atau apa-apa ganti rugi sebenar dan langsung yang lain akibat daripada pengabaian atau kegagalan melaksanakan kewajipan undang-undang di bawah Pernyataan Waranti ini, bergantung pada harga kontrak yang tersenarai bagi setiap produk.

ASUS hanya akan bertanggungjawab atau membayar ganti rugi anda untuk kehilangan, kerosakan atau tuntutan berdasarkan kontrak, tort atau pelanggaran di bawah Pernyataan Waranti ini.

Had ini juga terpakai kepada pembekal ASUS dan penjualnya. Ia maksimum di mana ASUS, pembekalnya dan penjual anda bertanggungjawab secara kolektif.

ASUS SAMA SEKALI TIDAK BERTANGGUNGJAWAB UNTUK SEBARANG PERKARA BERIKUT: (1) PIHAK KETIGA MENUNTUT GANTI RUGI TERHADAP ANDA; (2) KERUGIAN ATAU KEROSAKAN REKOD ATAU DATA ANDA; ATAU (3) KEROSAKAN KHAS, TIDAK SENGAJA ATAU TIDAK LANGSUNG ATAU UNTUK SEBARANG KEROSAKAN TURUTAN EKONOMI (TERMASUK KEUNTUNGAN ATAU SIMPANAN YANG HILANG), WALAUPUN ASUS, PEMBEKALNYA ATAU PENJUAL ANDA DIMAKLUMKAN MENGENAI KEMUNGKINAN MEREKA.

**PERKHIDMATAN DAN SOKONGAN**

Lawat laman web kami yang berbilang bahasa di <https://www.asus.com/support/>

# Jadual Kandungan

Perihal manual ini.....	6
Kelaziman yang digunakan dalam E-Manual ini.....	7
Tipografi .....	7
Mod input .....	7

## **Bab 1: Bahagian dan ciri-ciri**

Mengetahui ASUS ZenWatch anda.....	10
------------------------------------	----

## **Bab 2: Menggunakan ASUS ZenWatch anda**

Menggantikan tali.....	14
Mengecas ASUS ZenWatch.....	15
Menghidupkan kuasa.....	17
Memulakan semula ASUS ZenWatch anda.....	17
Berpasangan dengan peranti yang lain.....	18
Berpasangan dengan berbilang peranti ASUS ZenWatch .....	18
Mematikan kuasa .....	19
Menetapkan semula ASUS ZenWatch anda .....	19

## **Bab 3: Berfungsi dengan Android Wear**

Memasang aplikasi Android Wear pada telefon anda.....	22
Berpasangan untuk kali pertama .....	23
Menavigasi ASUS ZenWatch anda.....	26
Muka jam .....	27
Membisukan pemberitahuan dan melihat peratusan cas bateri .....	28
Mengubah muka jam.....	29
Memalapkan skrin.....	29
Menggunakan tindakan suara.....	30
Kad .....	32
Melihat dan melancarkan aplikasi.....	33
Audio telefon .....	34
Memeriksa kini ASUS ZenWatch anda .....	35

## **Bab 4: Telah menampilkan aplikasi telefon**

### **ASUS ZenWatch**

Lokasi untuk mendapatkan aplikasi ASUS ZenWatch .....	38
Aplikasi ASUS ZenWatch Manager .....	39
Skrin laman utama ASUS ZenWatch Manager .....	39
Muka jam .....	40
Skrin ASUS ZenWatch Manager Tools .....	41
Umum .....	42
FoneHelper .....	42
Lain-lain .....	42
ASUS ZenFit.....	43
Menetapkan matlamat aktiviti .....	44
Aplikasi ASUS Remote Camera.....	45
Skrin laman utama Remote Camera .....	46
Aplikasi ASUS Zenwatch FaceDesigner.....	47
Mengedit muka jam .....	48
Forum Peminat ZenTalk.....	48

### **Lampiran**

Langkah-langkah keselamatan .....	50
Langkah berjaga-jaga bateri .....	51
Maklumat Kawal Selia.....	51
Menyimpan peranti anda untuk tempoh yang lama .....	52
Pernyataan Campur Tangan Suruhanjaya Komunikasi Persekutuan .....	53
Amaran pendedahan RF .....	54
Maklumat Pendedahan RF (SAR) - CE .....	55
Tanda CE .....	55

Pematuhan dan Pengisytiharan Peraturan Alam Sekitar Global...	56
Perkhidmatan Mengitar Semula/Ambil Kembali ASUS .....	56
Pelupusan betul .....	57
Pencegahan Kehilangan Pendengaran .....	58
Amaran Litium Nordic (untuk bateri ion litium) .....	59

## Perihal manual ini

Manual ini menyediakan maklumat mengenai ciri perkakasan dan perisian bagi ASUS ZenWatch anda, yang disusun menerusi bab-bab berikut:

### **Bab 1: Bahagian dan ciri-ciri**

Bab ini menghuraikan komponen perkakasan bagi ASUS ZenWatch anda.

### **Bab 2: Menggunakan ASUS ZenWatch anda**

Bab ini menunjukkan kepada anda cara menggunakan bahagian ASUS ZenWatch anda yang berbeza.

### **Bab 3: Berfungsi dengan Android Wear**

Bab ini memberikan gambaran keseluruhan menggunakan Android Wear dalam ASUS ZenWatch anda.

### **Bab 4: Telah menampilkan aplikasi telefon ASUS ZenWatch**

Bab ini menyediakan maklumat mengenai beberapa ciri aplikasi ASUS ZenWatch yang boleh anda muat turun dan gunakan pada telefon anda yang berpasangan.

### **Lampiran**

Bahagian ini termasuk notis dan pernyataan keselamatan untuk ASUS ZenWatch anda.

## Kelaziman yang digunakan dalam E-Manual ini

Untuk menyerlahkan maklumat utama dalam E-Manual ini, beberapa teks dipersembahkan seperti berikut:

---

**PENTING!** Mesej ini mengandungi maklumat penting yang mesti diikuti untuk melengkapkan tugas.

---

---

**NOTA:** Mesej ini mengandungi maklumat tambahan dan petua yang boleh membantu anda melengkapkan tugas.

---

---

**AMARAN!** Mesej ini mengandungi maklumat penting yang mesti dipatuhi bagi mengekalkan keselamatan anda semasa melakukan tugas dan mengelakkan data dan komponen ASUS ZenWatch anda menjadi rosak.

---

## Tipografi

**Gelap** = Ini menunjukkan menu atau item yang mesti dipilih.

*Italik* = Ini menunjukkan bahagian yang anda boleh rujuk dalam panduan pengguna ini.

## Mod input

Ikon-ikon di bawah menunjukkan ciri-ciri input yang boleh anda gunakan untuk melengkapkan siri tugas atau prosedur pada ASUS ZenWatch anda.



= Gunakan gerak isyarat.



= Gunakan perintah suara.







# 1

## ***Bahagian dan ciri-ciri***

## Mengenali ASUS ZenWatch anda



---

**NOTA:** JANGAN masukkan objek asing ke dalam lubang pembesar suara atau mikrofon.

---

## 1 Panel paparan skrin sentuh

Gunakan panel paparan skrin sentuh untuk mengendalikan ASUS ZenWatch anda menggunakan gerak isyarat.

---

**NOTA:** Untuk butiran lanjut, rujuk bahagian *Menavigasi ASUS ZenWatch anda* dalam E-Manual ini.

---

## 2 Gelung

Gunakan gelung untuk menyimpan lebih tali ASUS ZenWatch anda dengan selamat.

## 3 Tali

Tali membolehkan anda memakai ASUS ZenWatch anda pada pergelangan tangan anda.

---

**NOTA:** Tali jam dan kancing/cangkuk jam berbeza mengikut model.

---

## 4 Bar spring

Tekan pin pada bar spring ini untuk menanggalkan tali semasa ASUS ZenWatch anda.

---

**NOTA:** Untuk menggantikan tali semasa ASUS ZenWatch anda, rujuk bahagian *Menggantikan tali* dalam E-Manual ini.

---

## 5 Butang pintasan

Tekan butang ini untuk mengakses pintasan pada ASUS ZenWatch anda. Anda boleh mengkonfigurasi pintasan menerusi aplikasi **Button setting (Tetapan butang)** pada ASUS ZenWatch anda.

## 6 Mikrofon

Mikrofon terbina dalam membolehkan anda mengendalikan ASUS ZenWatch anda menggunakan perintah suara.

---

**NOTA:** JANGAN masukkan objek asing ke dalam lubang pembesar suara atau mikrofon.

---

## 7 Butang kuasa dan tetap semula

Tekan butang ini untuk menghidupkan atau mematikan ASUS ZenWatch anda atau untuk menetakannya semula ke tetapan lalainya.

---

**NOTA:** Untuk butiran mengenai menggunakan butang kuasa dan tetap semula, rujuk bahagian *Menghidupkan, Mematikan dan Menetapkan semula ASUS ZenWatch anda* dalam E-Manual ini.

---

## 8 Butang Mod Eco

Tekan butang ini untuk memasuki mod ECO dan menjimatkan kuasa.

## 9 Penyambung pengecasan

Jajarkan dan sambung penyambung pengecasan ini ke pin pengecasan bagi penyangga pengecasan anda untuk mengecap bateri ASUS ZenWatch anda.

## 10 Pembesar suara

TPembesar suara audio terbina dalam membolehkan anda mendengar audio terus daripada ASUS ZenWatch.

---

**NOTA:** JANGAN masukkan objek asing ke dalam pembesar suara.

---


# 2

***Menggunakan ASUS  
ZenWatch anda***

# Menggantikan tali


**PENTING!** ASUS ZenWatch anda serasi dengan tali jam ASUS WI503Q.

1. Tolak dan tahan pin pada kedudukan buka kunci dan tarik satu hujung bar spring dengan berhati-hati, kemudian tanggalkan tali semasa.



2. Masukkan satu hujung bar spring pada tali baharu anda ke dalam ASUS ZenWatch, kemudian tolak dan tahan pin pada kedudukan buka kunci dan tekan tali untuk memasukkannya ke dalam ASUS ZenWatch.

**NOTA:** Buat pelarasan pada bar spring untuk memastikan tali baharu anda selamat.




## Mengecas ASUS ZenWatch

---

**PENTING!** Peluh, habuk, kotoran, gris dan kekotoran lain boleh menghalang ASUS ZenWatch anda daripada dicas dengan betul. Pastikan anda membersihkan penyambung pengecasan dengan kain yang kering, tidak lelas, bebas lin sebelum mengecas.

---

1. Sambungkan ASUS ZenWatch anda ke kabel pengecasan. Pastikan penyambung dijajarkan dengan betul bagi mengelakkan kerosakan kepada pin.




---

**NOTA:** Kabel pengecasan direka untuk disambungkan ke ASUS ZenWatch dalam satu orientasi sahaja.

---

2. Sambungkan penyangga pengecasan ke penyesuai kuasa anda, kemudian sambungkan penyesuai kuasa ke saluran elektrik yang berdekatan.



---


**NOTA:**

- Pastikan anda menggunakan kabel pengecasan dan penyesuai kuasa yang disertakan.
  - Arus input perkadaran untuk peranti tahan lasak ialah +5Vdc, 2A, 10W, lihat label produk untuk mendapatkan butiran.
-



## Menghidupkan kuasa

Tekan dan tahan butang kuasa dan tetap semula selama lima (5) saat.



## Memulakan semula ASUS ZenWatch anda

1. Tekan dan tahan butang kuasa dan tetapkan semula pada ASUS ZenWatch anda untuk melancarkan senarai aplikasi.
2. Leret ke atas dan ketik **Settings (Tetapan)**.
3. Leret ke atas dan ketik **Restart (Mula semula)**, kemudian ketik tanda semak.

## Berpasangan dengan peranti yang lain


---

**PENTING!** Tetapkan semula ASUS ZenWatch anda ke tetapan kilangnya sebelum anda mula pasangkannya dengan telefon yang lain.

---

1. Tekan dan tahan butang kuasa dan tetapkan semula pada ASUS ZenWatch anda untuk melancarkan senarai aplikasi.
2. Leret ke atas dan ketik **Settings (Tetapan)**.
3. Leret ke atas dan ketik **Factory reset (Tetapan semula kilang)**, kemudian ketik tanda semak.
4. Apabila kuasa ASUS ZenWatch anda hidup selepas ini, ia akan memaparkan **Install Android wear on your phone (Pasang Android Wear pada telefon anda)**.
5. Rujuk kepada *Menggunakan Android Wear* untuk mendapatkan butiran tentang memasang ASUS ZenWatch anda dengan telefon.

## Berpasangan dengan berbilang peranti ASUS ZenWatch

1. Hidupkan kuasa ASUS ZenWatch anda.
2. Dayakan Bluetooth pada telefon anda, kemudian letakkannya berdekatan dengan ASUS ZenWatch anda.
3. Lancarkan **Android Wear** pada telefon anda kemudian ketik  > **Pair with a new watch (Berpasangan dengan jam baharu)**.
4. Semak nama model pada ASUS ZenWatch anda, kemudian pilih nama model yang sama pada telefon anda.
5. Pastikan bahawa kunci laluan pada telefon dan ASUS ZenWatch anda adalah sama, kemudian ketik **Pair (Pasang)** pada telefon anda.

## Mematikan kuasa

1. Tekan dan tahan butang kuasa dan tetapkan semula pada ASUS ZenWatch anda untuk melancarkan senarai aplikasi.
2. Leret ke atas dan ketik **Settings (Tetapan)**.
3. Leret ke atas dan ketik **Power off (Kuasa mati)**, kemudian ketik tanda semak.

## Menetapkan semula ASUS ZenWatch anda

Menetapkan semula ASUS ZenWatch anda memulihkannya ke tetapan kilangnya.

1. Tekan dan tahan butang kuasa dan tetapkan semula pada ASUS ZenWatch anda untuk melancarkan senarai aplikasi.
2. Leret ke atas dan ketik **Settings (Tetapan)**.
3. Leret ke atas dan ketik **Factory reset (Tetapan semula kilang)**, kemudian ketik tanda semak.

---

**PENTING!** Selepas menetapkan semula ASUS ZenWatch anda, anda perlu menjadikannya berpasangan sekali lagi dengan telefon anda. Untuk mendapatkan butiran lanjut, rujuk bab *Menggunakan Android Wear*.

---



3

***Berfungsi dengan Android Wear***

# Memasang aplikasi Android Wear pada telefon anda

---

## PENTING!

- Memerlukan telefon yang menjalankan Android 4.3+ atau iOS 8.2+. Lawat [g.co/WearCheck](http://g.co/WearCheck) pada telefon anda untuk melihat jika ia serasi.
  - Ciri yang disokong mungkin berbeza antara Android dan iOS.
- 

1. Sambungkan telefon anda ke Internet, kemudian log masuk atau daftarkan akaun Google atau ID Apple.
2. Lancarkan **Play Store** atau **Apple Store**.



3. Cari **Android Wear**, kemudian pasang aplikasi tersebut.



---

**NOTA:** Android Wear ialah tanda dagangan Google Inc.

---

## Berpasangan untuk kali pertama

---

**PENTING!** Hidupkan Bluetooth telepon anda sebelum berpasangan.

---

1. Sambungkan telepon anda ke Internet.
2. Hidupkan kuasa ASUS ZenWatch anda dan leret ke kiri.



---

**NOTA:** Pastikan jam anda disambungkan ke sumber kuasa.


---

3. Pilih bahasa yang serupa dengan telefon anda.

---

**NOTA:** Apabila memilih senarai negara anda, jangan lupa bahawa telefon dan jam mesti menggunakan bahasa yang sama untuk tindakan suara berfungsi.

---



4. Sediakan telefon dan ASUS ZenWatch anda untuk berpasangan, kemudian leret ke kiri.





5. Seterusnya, pasang **Android Wear** pada telefon anda, kemudian leret ke kiri.




---

**NOTA:** Untuk mendapatkan butiran lanjut, rujuk bahagian *Memasang apl Android Wear pada telefon anda*.

---

6. Pada telefon anda, pilih nama model yang sama seperti ditunjukkan pada ASUS ZenWatch anda.



7. Pastikan bahawa kunci laluan pada telefon dan ASUS ZenWatch anda adalah sama, kemudian ketik **Pair (Pasang)** pada telefon anda.


## Menavigasi ASUS ZenWatch anda

### Membangkitkan ASUS ZenWatch anda

Ketik untuk membangkitkan ASUS ZenWatch anda.



Anda juga boleh mencondongkan pergelangan tangan anda untuk membangkitkan ASUS ZenWatch anda.



## Muka jam

Muka jam ialah skrin yang memaparkan masa pada ASUS ZenWatch anda.



ASUS ZenWatch tidak disambungkan pada masa ini.



ASUS ZenWatch sedang dicas.



ASUS ZenWatch dalam mod HyperCharge.\*



Pemberitahuan bisu.

---

**NOTA:** Mod HyperCharge hanya tersedia semasa menggunakan kabel pengecasan dan penyesuai kuasa yang disertakan.

---

## Membisukan pemberitahuan dan melihat peratusan cas bateri



Pergi ke muka jam dan leret ke bawah, kemudian ketik skrin untuk membisukan atau menyahbisukan pemberitahuan. Anda juga boleh melihat peratusan bateri semasa.

## Mengubah muka jam



1. Ketik dan tahan muka jam selama dua (2) saat.



2. Leret ke kiri atau kanan, kemudian ketik untuk memilih muka jam anda.

---

**NOTA:** Gunakan aplikasi Pengurus ASUS ZenWatch untuk mencipta muka jam anda sendiri.

---


## Memalapkan skrin



Tekan tapak tangan anda pada ASUS ZenWatch untuk memalapkan paparan skrin sentuh anda.

## Menggunakan tindakan suara

Menggunakan tindakan suara membolehkan anda memanggil ciri dan aplikasi. Untuk mula menggunakan tindakan suara:



Bangkitkan ZenWatch anda, ucap "OK Google", kemudian ucap apa-apa perintah suara daripada senarai. Contohnya: "Ambil nota."

---

**NOTA:** Rujuk seksyen *Senarai tindakan* pada E-Manual untuk butiran lanjut.

---

## Senarai tindakan

**Remind me (Ingatkan saya)** - Gunakan ini untuk mencipta peringatan yang menyegerak secara automatik dengan akaun Google anda. Pada tarikh tugas/peristiwa, Google Now menghantar kad pemberitahuan untuk mengingatkan anda mengenainya.

**Show me my steps (Tunjukkan langkah-langkah saya)** - Pilihan ini membolehkan anda menjejaki bilangan langkah harian anda bagi tujuan kecergasan.

**Send a text (Hantar teks)** - Gunakan ini untuk menghantar mesej teks kepada mana-mana kenalan yang disimpan pada peranti anda yang berpasangan.

**Email (E-mel)** - Gunakan ini untuk mencipta atau membaca e-mel yang diterima daripada peranti anda yang berpasangan.

**Agenda** - Gunakan ini untuk melihat semua peristiwa yang dijadualkan pada kalendar peranti anda yang berpasangan.

**Navigate (Navigasi)** - Gunakan ini untuk mencari tempat dan destinasi tertentu.

**Set a timer (Tetapkan pemasa)** - Gunakan ini untuk menetapkan pemasa kira undur. Selepas memilih pilihan ini, leret ke atas untuk melihat senarai pilihan pemasa.

**Start stopwatch (Mulakan jam randik)** - Gunakan ini untuk mendayakan ciri jam randik. Selepas memilih pilihan ini, ketik pada titik putih untuk memulakan jam randik.

**Set an alarm (Tetapkan penggera)** - Gunakan ini untuk menetapkan penggera. Selepas memilih pilihan ini, leret ke atas atau ke bawah untuk melihat senarai pilihan masa penggera.

**Settings (Tetapan)** - Gunakan ini untuk mengkonfigurasi paparan, ketersambungan dan tetapan peranti ASUS ZenWatch anda.

**Start (Mula)** - Gunakan pilihan ini untuk mengakses aplikasi tergabung yang boleh anda gunakan dengan ASUS ZenWatch anda.


## Kad

Pemberitahuan, maklumat, aplikasi dan ciri dipaparkan pada ASUS ZenWatch anda sebagai kad.

### Membaca kad anda




Leret ke atas untuk pergi ke kad seterusnya.



Leret ke bawah untuk pergi ke kad sebelumnya.



Leret ke kiri untuk melihat maklumat lanjut mengenai kad yang anda sedang lihat.




Leret ke kanan untuk menutup kad yang anda sedang lihat atau kembali ke tindakan sebelumnya.




## Melihat dan melancarkan aplikasi



1. Ketik pada muka jam atau bangkitkan ASUS ZenWatch anda, kemudian ucap leret ke kiri.



2. Leret ke atas atau bawah untuk melihat senarai aplikasi, kemudian ketik aplikasi yang ingin anda lancarkan.



---

**NOTA:** Leret ke kiri atau kanan untuk menukar antara senarai aplikasi, kenalan dan tindakan suara.

---



Bangkitkan ASUS ZenWatch anda, ucap "OK Google", kemudian ucap **Mula** serta nama aplikasi yang ingin anda lancarkan.

## Audio telefon

Dayakan ciri ini untuk mendengar audio terus daripada ASUS ZenWatch anda apabila anda membuat atau menerima panggilan.

Untuk mendayakan audio telefon:

1. Tekan dan tahan butang kuasa dan tetapkan semula pada ASUS ZenWatch anda untuk melancarkan senarai aplikasi.
2. Leret ke atas dan ketik **Settings (Tetapan)**.
3. Leret ke atas dan ketik **Bluetooth**.



4. Ketik **Play phone audio on watch (Mainkan audio telefon pada jam)** untuk mendayakan audio telefon.

---

**NOTA:** Pastikan **Phone audio (Audio telefon)** didayakan pada telefon anda.

---

## Mengemas kini ASUS ZenWatch anda

---

**Nota:** Langkah dalam bahagian ini adalah untuk telefon yang menjalankan Android.

---

1. Sambungkan ASUS ZenWatch anda ke kabel pengecasan. Pastikan penyambung dijajarkan dengan betul bagi mengelakkan kerosakan kepada pin.
2. Sambungkan kabel pengecasan ke penyesuai kuasa anda, kemudian sambungkan penyesuai kuasa ke saluran elektrik yang berdekatan.

---

### **PENTING!**

- Pastikan jam anda disambungkan ke sumber kuasa semasa proses kemas kini.
  - Pastikan jam anda dipasangkan dengan telefon semasa proses kemas kini.
- 
3. Tekan dan tahan butang kuasa dan tetapkan semula pada ASUS ZenWatch anda untuk melancarkan senarai aplikasi.
  4. Leret ke atas dan ketik **Settings (Tetapan)**.
  5. Leret ke atas dan ketik **About (Perihal)**.
  6. Leret ke atas dan ketik **System updates (Kemas kini sistem) untuk menyemak kemas kini**.
  7. Ikut arahan pada skrin untuk menyelesaikan kemas kini.



# 4

***Telah menampilkan aplikasi  
telefon ASUS ZenWatch***

## Lokasi untuk mendapatkan aplikasi ASUS ZenWatch

Muat turun aplikasi berikut pada peranti anda yang berpasangan melalui Play Store supaya anda boleh memaksimumkan ciri ASUS ZenWatch anda.

Untuk memuat turun aplikasi ASUS ZenWatch:

1. Sambungkan telefon anda ke Internet, kemudian log masuk atau daftarkan akaun Google.
2. Lancarkan **Play Store** pada telefon anda.
3. Masukkan **nama aplikasi ASUS ZenWatch** pada medan carian, kemudian ketik **INSTALL (PASANG)**.



---

### NOTA:

- Lawat **Play Store** untuk melihat senarai aplikasi ASUS ZenWatch.
  - Aplikasi ASUS ZenWatch menyokong peranti Android sahaja.
-

# Aplikasi ASUS ZenWatch Manager

Aplikasi ini membolehkan anda mengkonfigurasi tetapan ASUS ZenWatch anda. Ia juga meliputi ciri-ciri keselamatan yang membantu menjejaki ASUS ZenWatch anda dan peranti anda yang berpasangan.

**NOTA:** Aplikasi ini tersedia di negara yang terpilih sahaja.

## Skrin laman utama ASUS ZenWatch Manager

Skrin laman utama ASUS ZenWatch Manager menggambarkan status jam yang sama ditunjukkan pada ASUS ZenWatch anda yang berpasangan. Ia juga membenarkan akses ke pelbagai alat untuk anda gunakan dengan ASUS Zenwatch anda.




## Muka jam

Ciri ini membolehkan anda memperibadikan dan menyediakan muka jam anda bagi memaparkan maklumat lain seperti kiraan langkah, kemas kini cuaca, pilihan zon waktu kedua dan status bateri ASUS ZenWatch semasa.

### Untuk memperibadikan muka jam anda:

1. Lancarkan **ASUS ZenWatch Manager** kemudian ketik **Watch face (Muka jam)**.
2. Leret ke atas atau ke bawah untuk melayari melalui muka jam yang tersedia.



3. Ketik muka jam yang ingin anda gunakan untuk melengkapkannya.

---


**NOTA:** Ketik **Customize (Sesuaikan)** untuk memperibadikannya menurut keutamaan anda.

---



## Skrin ASUS ZenWatch Manager Tools

Skrin ASUS ZenWatch Manager Tools mengandungi pelbagai alat berguna yang boleh anda gunakan dengan ASUS Zenwatch anda. Ketik **Tool (Alat)** pada skrin laman utama ASUS ZenWatch Manager untuk memasuki skrin Tools.



## Umum

- **Face settings (Tetapan muka)** - Membenarkan anda mengurus tetapan untuk muka jam anda.

## FoneHelper

- **Remote call control (Kawalan panggilan jauh)** - Kawal panggilan anda dari jauh dengan jam anda.
- **Forgot phone warning (Terlupa amaran telefon)** - Memberi anda amaran apabila telefon anda berada luar julat sambungan.
- **ECO mode (mod ECO)** - Tukar tetapan mod ECO untuk menjimatkan lebih banyak tenaga bateri.
- **Cover to mute (Tutup untuk membisu)** (untuk Zenfone sahaja) - Tutup jam anda untuk membisukan penggera secara automatik daripada ASUS Clock.
- **Find my watch (Cari jam saya)** - Getarkan jam anda untuk membantu mencari jam anda.
- **Unlock my phone (Buka kunci telefon saya)** - Buka kunci telefon anda tanpa memerlukan kod PIN.

## Lain-lain


- **Lampu Suluh** - Gunakan ciri ini untuk mengaktifkan ciri lampu suluh ASUS ZenWatch anda menggunakan telefon anda yang berpasangan.
- **SOS** - Ciri ini membenarkan anda memilih kenalan yang boleh anda hantar mesej kecemasan secara automatik apabila anda memilih aplikasi SOS dalam ASUS ZenWatch anda.

## ASUS ZenFit

Menggunakan aplikasi ini membolehkan anda menjejaki ciri harian seperti: kalori yang dibakar, aktiviti, keamatan senaman dan tenaga. Anda boleh menjejaki aktiviti kecergasan anda berdasarkan harian atau mingguan.


### NOTA:


- Aplikasi ini tersedia di negara yang terpilih sahaja.
- Aplikasi ASUS ZenFit bukan untuk tujuan perubatan dan hanya sebagai rujukan. Hasilnya mungkin berbeza mengikut persekitaran, keadaan ukuran dan status fizikal pengguna.



## Menetapkan matlamat aktiviti

Untuk menetapkan matlamat aktiviti:

1. Lancarkan aplikasi ASUS ZenFit pada telefon anda.
2. Ketik **jubin Activity (Aktiviti)** kemudian ketik .
3. Pada skrin sasaran Hari Ini, masukkan nombor pada bilangan langkah dalam kotak atau gerakkan butang luncur ke kiri atau ke kanan untuk menetapkan bilangan langkah sasaran anda.
4. Ketik **Done (Selesai)** untuk selesai.



## Aplikasi ASUS Remote Camera

Aplikasi ini membolehkan anda menggunakan ASUS ZenWatch anda sebagai pengawal jauh dan sambungan kamera telefon anda yang berpasangan. Sebaik sahaja dimuat turun, anda boleh mula menggunakan ciri kamera berikut pada ASUS ZenWatch anda:

- Melancarkan kamera telefon anda yang berpasangan
- Sebagai pratonton langsung untuk mengambil foto
- Untuk menukar antara fungsi foto dan video bagi kamera telefon anda yang berpasangan
- Sebagai pengatup jauh
- Mengubah tetapan kamera telefon anda yang berpasangan

Selepas memuat turun, lancarkan **Remote Camera** dari telefon anda yang berpasangan untuk mula menggunakan aplikasi ini.


---

**PENTING!** Ciri ini hanya boleh digunakan jika ASUS ZenWatch anda sedang dipasangkan dengan telefon anda.

---

## Skrin laman utama Remote Camera

Rujuk tindakan berikut apabila menavigasi skrin laman utama Remote Camera anda.



## Aplikasi ASUS Zenwatch FaceDesigner

Jadikan muka jam unik anda sendiri menyerlah di khalayak. Anda boleh mencipta beribu-ribu muka jam dan menyesuaikan mengikut keutamaan anda. Selepas memuat turun, lancarkan **FaceDesigner** dari telefon anda yang berpasangan untuk mula menggunakan aplikasi ini.



## Mengedit muka jam

1. Ketik muka jam untuk memasuki skrin pengeditan.
2. Sesuaikan muka jam anda, kemudian ketik **Done (Selesai)** untuk melengkapkannya.



## Forum Peminat ZenTalk



[www.asus.com/zentalk/global\\_forward.php](http://www.asus.com/zentalk/global_forward.php)



***Lampiran***

## Langkah-langkah keselamatan

- ASUS ZenWatch anda tahan air, tidak kalis air. Kekalkannya kering dan elakkan daripada menggunakannya berhampiran cecair, hujan, lembap dan sumber air atau cecair yang lain. Jika ia basah, serta-merta lap menggunakan kain kering yang lembut.
- Pastikan bahawa ASUS ZenWatch anda kering sebelum menggunakannya dengan ciri aplikasi.
- Ikut label amaran untuk keselamatan diri anda.
- Jangan sekali-kali cuba untuk melakukan litar pintas pada bateri dalam ASUS ZenWatch anda. Jangan sekali-kali cuba untuk menanggalkan dan memasang semula bateri.
- Hentikan penggunaan jika kebocoran ditemui.
- Hentikan penggunaan jika anda mengalami sebarang tindak balas alergi atau ketidakselesaan. Dapatkan nasihat doktor dengan segera.
- ASUS ZenWatch dan penyangga pengecasan mesti dikitar semula atau dilupuskan dengan betul.
- Jauhkan sebarang komponen kecil daripada kanak-kanak.
- ASUS ZenWatch anda hendaklah digunakan dalam persekitaran dengan suhu ambien antara 5°C dan 40°C.

## Langkah berjaga-jaga bateri

- Bateri yang digunakan dalam peranti ini boleh menyebabkan risiko kebakaran atau lecuran kimia jika ditanggalkan atau dinyahpasang.
- Ikut label amaran untuk keselamatan diri anda.
- Risiko berlaku letupan jika bateri digantikan dengan jenis bateri yang salah.
- Jangan buang dalam api.
- Jangan sesekali cuba untuk melakukan litar pintas pada bateri.
- Jangan sekali-kali cuba untuk menanggalkan dan memasang semula bateri.
- Hentikan penggunaan jika kebocoran ditemui.
- Bateri dan komponennya mesti dikitar semula atau dilupuskan dengan betul.
- Jauhkan bateri dan komponen kecil lain daripada kanak-kanak.

## Maklumat Kawal Selia

Untuk maklumat kawal selia, pergi ke **Settings (Tetapan) > About (Perihal) > Regulatory information (Maklumat Kawal Selia)**.

## Menyimpan peranti anda untuk tempoh yang lama

Jika anda perlu menyimpan peranti anda untuk tempoh yang lama, kami syorkan garis panduan ini:

- Cas peranti anda kira-kira 50%, kemudian matikan untuk mengelakkan penggunaan bateri tambahan.
- **JANGAN** cas peranti anda sepenuhnya, jika anda menyimpan peranti semasa baterinya penuh untuk tempoh yang lama, bateri itu mungkin akan kehilangan sedikit kapasiti yang boleh menyebabkan hayat bateri menjadi lebih pendek.
- **JANGAN** habiskan tenaga bateri peranti anda sepenuhnya, jika anda menyimpan peranti semasa baterinya dinyahcas sepenuhnya untuk tempoh yang lama, bateri itu boleh berada dalam keadaan nyahcas yang mendalam yang menyebabkan bateri itu tidak berupaya untuk menyimpan cas.
- Letakkan peranti anda dalam persekitaran yang sejuk dan kering yang kurang daripada 90° F (32° C).
- Jika anda menyimpan peranti lebih lama daripada enam bulan, cas baterinya kepada kira-kira 50% setiap enam bulan.
- Selepas mengeluarkan peranti anda daripada simpanan, anda perlu mengecasnya selama 20 minit dengan penyesuai asal sebelum boleh menggunakannya.

## Pernyataan Campur Tangan Suruhanjaya Komunikasi Persekutuan

Peranti ini mematuhi Bahagian 15 Peraturan FCC. Operasi tertakluk pada dua keadaan berikut: (1) peranti ini tidak boleh menyebabkan gangguan berbahaya dan (2) peranti ini mesti menerima sebarang gangguan yang diterima termasuk gangguan yang boleh menyebabkan pengendalian yang tidak dikehendaki.

Peralatan ini telah diuji dan didapati mematuhi had untuk peranti digital Kelas B, menurut bahagian 15 Peraturan FCC. Had ini direka untuk memberi perlindungan yang wajar terhadap gangguan berbahaya dalam pemasangan di kawasan kejiranan. Peralatan ini menjana, menggunakan dan boleh meradiasi tenaga frekuensi radio dan, jika tidak dipasang dan digunakan sejajar dengan arahan pengeluar, boleh menyebabkan gangguan berbahaya pada komunikasi radio. Walau bagaimanapun, tiada jaminan bahawa gangguan tidak akan berlaku dalam pemasangan tertentu. Jika peralatan ini menyebabkan gangguan berbahaya kepada penerimaan radio atau televisyen, yang boleh ditentukan dengan mematikan dan menghidupkan peralatan, pengguna digalakkan untuk cuba membetulkan gangguan dengan satu atau lebih daripada langkah berikut:

- Orientasikan semula atau menempatkan semula antena penerima.
- Tingkatkan pemisahan antara peralatan dan penerima.
- Sambung peralatan ke dalam salur keluar pada litar yang berlainan daripada di mana penerima disambungkan.
- Berunding dengan wakil penjual atau hubungi juruteknik berpengalaman bagi radio/TV untuk mendapatkan bantuan.

### **AWAS:**

Sebarang perubahan atau pengubahsuaian tidak diluluskan dengan jelas oleh penerima peranti ini boleh membatalkan kuasa pengguna untuk mengendalikan peralatan.

Pemancar ini mestilah tidak diletakkan bersama atau dikendalikan bersama dengan mana-mana antena atau pemancar lain.

## Amaran pendedahan RF

Peranti ini mematuhi keperluan kerajaan untuk pendedahan pada gelombang radio.

Peranti ini direka dan dihasilkan untuk tidak melebihi had emisi untuk pendedahan terhadap tenaga frekuensi radio (RF) yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Komunikasi Persekutuan bagi Kerajaan A.S.

Standard pendedahan untuk peranti wayarles menggunakan unit ukuran yang dikenali sebagai Kadar Serapan Khusus atau SAR. Had SAR yang ditetapkan oleh FCC ialah 1.6W/kg. \*Ujian untuk SAR dilakukan menggunakan kedudukan operasi standard yang diterima oleh FCC sewaktu peranti menghantar pada tahap kuasa tertinggi yang diluluskan dalam semua jalur frekuensi yang diuji.

---

**NOTA:** Pemilihan kod negara adalah untuk model bukan AS sahaja dan tidak tersedia pada semua model AS. Menurut peraturan FCC, semua produk Wi-Fi yang dipasarkan dalam AS mesti ditetapkan pada saluran operasi AS sahaja.

---

## Maklumat Pendedahan RF (SAR) - CE

Peranti ini memenuhi syarat-syarat EU (1999/519/EC) mengenai had pendedahan orang awam terhadap medan elektromagnetik melalui perlindungan kesihatan.

Had tersebut merupakan sebahagian daripada pengesyoran meluas untuk perlindungan orang awam. Pengesyoran-pengesyoran ini telah dibangunkan dan diperiksa oleh organisasi saintifik yang bebas melalui penilaian kerap dan menyeluruh bagi kajian saintifik. Unit ukuran bagi had untuk peranti mudah alih yang disyorkan oleh Majlis Eropah ialah "Kadar Penyerapan Khusus" (SAR) dan had SAR ialah 2.0 W/Kg dengan purata melebihi 10 gram tisu badan. Ia memenuhi syarat-syarat Suruhanjaya Antarabangsa mengenai Perlindungan Radiasi Bukan Pengion (ICNIRP).

Untuk pengendalian bersebelahan badan, peranti ini telah diuji dan memenuhi garis panduan pendedahan ICNRP dan Piawaian Eropah EN 50566 dan EN 62209-2. SAR diukur menggunakan peranti yang bersentuh secara terus dengan badan semasa memancar pada tahap kuasa output sah yang paling tinggi dalam semua jalur frekuensi peranti mudah alih.

## Tanda CE



Peranti ini mematuhi R&TTE Arahan 1999/5/EC (digantikan pada tahun 2017 dengan RED 2014/53/EU), EMC Arahan 2004/108/EC (digantikan pada bulan April 2016 dengan 2014/30/EU) dan Arahan Voltan Rendah 2006/95/EC (digantikan pada bulan April 2016 dengan 2014/35/EU) dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komuniti Eropah.

## **Pematuhan dan Pengisytiharan Peraturan Alam Sekitar Global**

ASUS mengikut konsep reka bentuk hijau bagi mereka bentuk dan menghasilkan produk kami dan memastikan bahawa setiap peringkat kitar hayat produk bagi produk ASUS selaras dengan peraturan alam sekitar global. Selain itu, ASUS mendedahkan maklumat yang berkaitan berdasarkan keperluan peraturan.

Sila rujuk <http://csr.asus.com/english/Compliance.htm> untuk pendedahan maklumat berdasarkan keperluan ASUS dipatuhi dengan:

### **Pengisytiharan Bahan JIS-C-0950 Jepun**

### **EU CAPAI SVHC**

### **Korea RoHS**

## **Perkhidmatan Mengitar Semula/Ambil Kembali ASUS**

Program mengitar semula dan ambil kembali ASUS datang daripada komitmen kami terhadap piawaian tertinggi untuk melindungi alam sekitar kita. Kami percaya dalam menyediakan penyelesaian untuk anda, kami mampu untuk bertanggungjawab mengitar semula produk, bateri, komponen lain serta bahan pembungkusan kami. Sila pergi ke <http://csr.asus.com/english/Takeback.htm> untuk maklumat mengitar semula yang terperinci dalam rantau yang berbeza.



## Pelupusan betul



Jangan buang ASUS ZenWatch anda di tempat pembuangan perbandaran. Produk ini telah direka bentuk untuk membolehkan penggunaan semula barang dan kitaran semula yang betul. Simbol tong beroda yang dipangkah menunjukkan bahawa produk (elektrik, peralatan elektronik dan bateri sel butang yang mengandungi merkuri) hendaklah tidak diletakkan di tempat pembuangan perbandaran. Semak peraturan tempatan untuk pelupusan produk elektrik.



Jangan buang bateri di tempat pembuangan perbandaran. Simbol tong beroda yang dipangkah menunjukkan bateri hendaklah tidak diletakkan di tempat pembuangan perbandaran.

## Pencegahan Kehilangan Pendengaran

Untuk mencegah kemungkinan berlaku kerosakan pendengaran, jangan dengar pada tahap kelantangan tinggi untuk tempoh yang lama.



Apabila pengguna meninggikan kelantangan melepasi tahap ini (27mV), sistem akan menunjukkan menu timbul dengan maklumat berikut: Kelantangan tinggi boleh menyebabkan hilang pendengaran. Telinga anda adalah penting. Meninggikan kelantangan melepasi tahap ini boleh menyebabkan kerosakan pendengaran yang kekal.



À pleine puissance, l'écoute prolongée du baladeur peut endommager l'oreille de l'utilisateur.

## **Amaran Litium Nordic (untuk baterai ion litium)**

**CAUTION!** Danger of explosion if battery is incorrectly replaced. Replace only with the same or equivalent type recommended by the manufacturer. Dispose of used batteries according to the manufacturer's instructions. (English)

**ATTENZIONE!** Rischio di esplosione della batteria se sostituita in modo errato. Sostituire la batteria con un una di tipo uguale o equivalente consigliata dalla fabbrica. Non disperdere le batterie nell'ambiente. (Italian)

**VORSICHT!** Explosionsgefahr bei unsachgemäßen Austausch der Batterie. Ersatz nur durch denselben oder einem vom Hersteller empfohlenem ähnlichen Typ. Entsorgung gebrauchter Batterien nach Angaben des Herstellers. (German)

**ADVARSELI!** Lithiumbatteri - Eksplosionsfare ved fejlagtig håndtering. Udskiftning må kun ske med batteri af samme fabrikat og type. Levér det brugte batteri tilbage til leverandøren. (Danish)

**WARNING!** Explosionsfara vid felaktigt batteribyte. Använd samma batterityp eller en ekvivalent typ som rekommenderas av apparattillverkaren. Kassera använt batteri enligt fabrikantens instruktion. (Swedish)

**VAROITUS!** Paristo voi räjähtää, jos se on virheellisesti asennettu. Vaihda paristo ainoastaan laitevalmistajan suosittelemaan tyyppiin. Hävitä käytetty paristo valmistagan ohjeiden mukaisesti. (Finnish)

**ATTENTION!** Il y a danger d'explosion s'il y a remplacement incorrect de la batterie. Remplacer uniquement avec une batterie du même type ou d'un type équivalent recommandé par le constructeur. Mettre au rebut les batteries usagées conformément aux instructions du fabricant. (French)

**ADVARSEL!** Eksplosjonsfare ved feilaktig skifte av batteri. Benytt samme batteritype eller en tilsvarende type anbefalt av apparatfabrikanten. Brukte batterier kasseres i henhold til fabrikantens instruksjoner. (Norwegian)

標準品以外の使用は、危険の元になります。交換品を使用する場合、製造者に指定されるものを使って下さい。製造者の指示に従って処理して下さい。

(Japanese)

**ВНИМАНИЕ!** При замене аккумулятора на аккумулятор иного типа возможно его возгорание. Утилизируйте аккумулятор в соответствии с инструкциями производителя. (Russian)